



IDRIS (dua dari kanan) bersama pelajar Jepun pada majlis makan malam sempena Simposium Pelajar Pertanian Antarabangsa Pertama di Palm Garden, Putrajaya.

Pelajar pertanian Asean sertai simposium

PUTRAJAYA: Seramai 200 orang, termasuk penuntut dalam bidang pertanian beberapa universiti Asean hadir pada majlis makan malam sempena Simposium Pelajar Pertanian Antarabangsa Pertama (IASS 2009), baru-baru ini.

Majlis makan malam berkenaan turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron; Naib Presiden Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah dan Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Ghizan Salleh.

Simposium bertemakan 'Pertanian: Perkongsian dan Kerjasama Untuk Masa Depan' turut disertai pelajar dari Universiti Pertanian Bogor, Indonesia; Universiti Niigata, Jepun dan Universiti Kaset-sart, Thailand selain peserta dari UPM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Simposium yang berlangsung 4 Januari hingga Sabtu lalu itu dianjurkan Persatuan Mahasiswa Fakulti Pertanian UPM bertujuan menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman di kalangan mahasiswa pertanian serantau.